

16-05-2011

Kepada Para Pihak Yang Berkepentingan,

**Pengumuman Umum tentang Kegiatan Pensijilan RSPO untuk Hap Seng Plantations Holdings Bhd. – Kumpulan Ladang Sg. Segama**

Hap Seng Plantations Holdings Bhd. telah melantik TUV Rheinland Malaysia untuk menjalankan penilaian dan pensijilan untuk satu buah kilang minyak kelapa sawit dan ladang milik mereka di Lahad Datu, Malaysia berdasarkan kepada Prinsip dan Kriteria Roundtable of Sustainable Palm Oil (RSPO) - Tafsiran Nasional Malaysia (MY-NI). Penilaian akan dilakukan oleh pasukan juruaudit yang berkelayakan untuk menilai kepatuhan perusahaan terhadap aspek-aspek undang-undang, aspek ekonomi, aspek kesihatan & keselamatan dan aspek sosial seperti yang dinyatakan dalam Prinsip & Kriteria RSPO.

Hap Seng Plantations Holdings Bhd. dimiliki sebanyak 51.55% (pada Disember 2009) oleh Hap Seng Consolidated Berhad, dan tercatat di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada tarikh 16 November 2007. Hap Seng Consolidated Berhad adalah syarikat progresif yang disenaraikan secara awam dengan kepelbagaiannya perniagaan dalam perladangan, pelaburan dan pembangunan hak tanah, pembiayaan kredit, perdagangan baja dan kenderaan, serta bahan pembinaan dan galian batu.

Sejajar dengan persyaratan sistem pensijilan RSPO, Hap Seng Plantations Holdings Bhd. telah menetapkan jadual perancangan untuk mensertifikasi seluruh perladangan dan kilang kelapa sawit selewat-lewatnya pada akhir tahun 2012.

Hap Seng Plantations Holdings Bhd. mengumumkan Kumpulan Ladang Sg. Segama di bawah anak syarikat mereka, Hap Seng Plantations (River Estates) Sdn. Bhd. yang akan dinilai terhadap standard RSPO rangka global. Kumpulan ladang ini terletak di Lahad Datu, Sabah, Malaysia dan terdiri daripada satu kilang kelapa sawit dengan muatan 45 MT / jam output tahunan dan purata 46,818 ton minyak kelapa sawit. Tandan buah segar (TBS) dibekalkan ke Bukit Mas Mill oleh 3 ladang sawit kepunyaan syarikat yang meliputi kawasan tanah seluas 9,907 ha\*.

**Skop penilaian:**

Penilaian pensijilan RSPO untuk Kumpulan Ladang Sg. Segama dijadualkan akan dimulai dari 27 Jun hingga 1 Julai 2011. Penilaian akan dilakukan untuk 1 (satu) kilang kelapa sawit dan 3 (tiga) ladang kelapa sawit yang dimiliki perusahaan. Perincian dari kilang kelapa sawit, ladang dan skema petani kecil yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

Kilang kelapa sawit yang termasuk dalam penilaian*:						
Nama Kilang	Kedudukan	Kedudukan GPS		Purata pengeluaran tahunan		Muatan kilang (Ton/jam)
		Latitud	Longitud	CPO (Ton)	PK (Ton)	
Kilang Kelapa Sawit Bukit Mas	Lahad Datu, Sabah, Malaysia	5°20' 14.28"N	118°28' 25.104"E	46,818	10,889	45

Kawasan perladangan yang termasuk dalam penilaian*:						
Nama ladang	Kedudukan	Kedudukan GPS		Ringkasan kawasan		Purata pengeluaran BTS per tahun (ton/tahun)
		Latitud	Longitud	Jumlah (Ha)	Ditanam (ha)	
Ladang Sg. Segama I	Lahad Datu, Sabah, Malaysia	5°19' 02.421"N	118°27' 47.331"E	2578	2396	56,250
Ladang Sg. Segama II	Lahad Datu, Sabah, Malaysia	5°19' 02.421"N	118°27' 47.331"E	2596	2108	52,167
Ladang Bukit Mas	Lahad Datu, Sabah, Malaysia	5°19' 01.928"N	118°27' 46.294"E	4733	4258	113,676
JUMLAH				9907	8762	222,093

\* Semua data ini disediakan oleh organisasi yang akan dinilai dan akan disahkan semasa penilaian di lokasi organisasi.

## **Pasukan juruaudit**

TUV Rheinland Malaysia adalah sebahagian daripada TÜV Rheinland Group, sebuah syarikat global khusus dalam bidang perkhidmatan pengujian dan penilaian berkecuali. TUV Rheinland ditubuhkan pada tahun 1872 dan berpengalaman lebih dari 180 tahun dalam memberikan pelbagai jenis pensijilan sebagaimana dan juga perkhidmatan teknikal untuk lebih dari 490 lokasi di 61 negara di seluruh dunia.

Pasukan juruaudit yang akan melakukan penilaian di Kumpulan Ladang Sg. Segama, terdiri dari:

Juruaudit utama: Dian S. Soeminta (alam sekitar, keselamatan, pertanian, nilai konservasi tinggi, sosial, dll.)

Juruaudit: Fadli (tenaga kerja, sosial, masyarakat tempatan dan pihak berkepentingan yang lain), Carol Ng (alam sekitar, pertanian, kesihatan dan keselamatan kerja, perundangan), Rahmawati Noor (alam sekitar, kesihatan dan keselamatan kerja)

## **Jemputan untuk para pihak yang berkepentingan:**

Sebagai sebahagian daripada prosedur pensijilan, kami ingin menjemput para pihak yang berkepentingan untuk mengajukan komen dan maklum balas (jika ada) untuk Hap Seng Plantations Holdings Bhd. - Kumpulan Ladang Sg. Segama yang berkaitan dengan pemenuhan Prinsip dan Kriteria RSPO sesuai dengan Tafsiran Nasional Malaysia (RSPO MY-NI) untuk isu-isu berikut:

- Perlindungan alam sekitar
- Konservasi biodiversiti
- Peluang kerja, perolehan upah yang adil, kerja lebih masa dan hal kerja lain.
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan komuniti
- Pemberian perumahan, sanitasi, kemudahan dan sokongan pendidikan
- Pembangunan masyarakat
- Proses pengambil-alihan tanah
- Persetujuan bebas dengan pemberitahuan terdahulu
- Hal-hal lain perihal RSPO

Komen atau pemerhatian anda boleh dikomunikasikan kepada kami melalui pertemuan ketika pasukan juruaudit melakukan penilaian di lapangan atau komen tertulis boleh dikirimkan melalui email, faks ataupun surat kepada alamat berikut ini. Komen yang dikirimkan dalam 30 hari kerja sejak tarikh pengumuman ini diterbitkan akan dipertimbangkan sebagai input dalam penilaian sertifikasi. Akan tetapi komen anda juga boleh disampaikan pada setiap tahap proses pensijilan. Kecuali di atas permintaan anda, komen ini akan kami rahiaskan dan hanya tersedia untuk TUV Rheinland Malaysia and Dewan RSPO.

### **Butiran komunikasi:**

**TUV Rheinland Malaysia Sdn. Bhd.**  
**No.26-32, Jalan Perindustrian USJ 1/6,**  
**Taman Perindustrian USJ 1,**  
**47600 Subang Jaya,**  
**Selangor Darul Ehsan, Malaysia.**  
Ms. Carol Ng  
Tel: +603-8024 2400  
Faks: +603-8024 1505  
Email: rsopo@my.tuv.com

### **Organisasi yang dinilai:**

**Hap Seng Plantations Holdings Bhd.**  
Mr. Liew Voon Kheong  
Jawatan: Chief Agronomist  
Alamat :  
MDLD 2052B, Executive 1,  
Taman Executive, Jalan Tengah Nipah,  
91109 Lahad Datu, Sabah, Malaysia  
Tel: +603-2172 5347 / +6089-617677 /  
577118 / 577119 / 577181 / 577182  
E-mel: liewvk@hapseng.com



Kami sangat berterima kasih atas komen dan maklum balas anda.

**Dengan tulus ikhlas,**

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Nelly Yong', is placed over a horizontal line.

**Nelly Yong**

Manager of Environmental Technology Department  
TUV Rheinland Malaysia Sdn. Bhd.